

BAB 9

Sumber Semula Jadi Utama dan Kerjasama Ekonomi di Dunia

Induksi Bab

Eksploitasi sumber semula jadi secara berlebihan, terutamanya sumber tidak boleh baharu mencetuskan pelbagai krisis. Tahukah anda tentang krisis sumber semula jadi dunia yang berlaku pada masa ini? Bolehkah anda nyatakan kerjasama ekonomi antarabangsa berkaitan sumber semula jadi? Apakah pula kepentingan kerjasama ekonomi ini?

Apakah yang akan anda pelajari?

- ✓ Mengenal pasti sumber semula jadi utama di dunia
- ✓ Menjelaskan taburan sumber semula jadi utama di dunia
- ✓ Menghuraikan krisis sumber semula jadi di dunia
- ✓ Menjelaskan melalui contoh kerjasama ekonomi antarabangsa berkaitan sumber semula jadi
- ✓ Merumuskan kepentingan kerjasama ekonomi antarabangsa



Minyak mentah yang dihasilkan di Malaysia adalah berkualiti tinggi kerana mempunyai kandungan sulfur yang rendah. Lebih separuh daripada pengeluaran minyak mentah di Malaysia dieksport kerana harganya berada dalam kategori premium berdasarkan penanda aras utama minyak seluruh dunia.

(Sumber: Petroliaam Nasional Berhad, 2014)

Sepintas lalu

1 Taburan sumber semula jadi utama di dunia



Sumber tenaga utama di dunia

2 Krisis sumber semula jadi di dunia

Ekonomi

Politik

Masyarakat

Alam sekitar

3 Contoh kerjasama ekonomi antarabangsa



IMS-GT

IMT-gt



4 Kepentingan kerjasama ekonomi antarabangsa



Buruh asing



Pasaran



Pemindahan teknologi



Pelaburan



Hubungan perdagangan



Bahan mentah

9.1

Taburan Sumber Semula Jadi Utama di Dunia

Sumber Tenaga Utama di Dunia

Sumber tenaga terbahagi kepada sumber tenaga bahan bakar, iaitu petroleum, gas asli dan arang batu serta sumber tenaga alternatif, iaitu ombak, angin, geoterma, air, suria dan biomas.



Peta 9.1 Sumber tenaga utama di dunia



Geoterma (Iceland)



Angin (Belanda)



Ombak (Perancis)



Suria (Jepun)



Air (China)



Biomasa (India)

Latih Diri A

1. Nyatakan **tiga** sumber semula jadi boleh baharu yang terdapat di dunia.
2. Berikan **dua** contoh negara lain yang mempunyai sumber semula jadi petroleum.

9.2 Krisis Sumber Semula Jadi di Dunia

Eksplotasi dan penerokaan sumber secara berterusan dan tidak terancang mengakibatkan kuantiti sumber semula jadi di dunia semakin berkurangan. Keadaan ini mewujudkan pelbagai krisis sumber semula jadi dalam aspek ekonomi, politik, masyarakat dan alam sekitar.

KRISIS SUMBER SEMULA JADI DUNIA

Ekonomi

Pendapatan negara mengeksport dan pengimport tidak menentu ekoran kekurangan sumber dan kenaikan harga komoditi

Kenaikan harga sumber seperti petroleum dan gas asli dalam pasaran dunia


Peningkatan kos sara hidup disebabkan oleh nilai mata wang menurun, pendapatan negara merosot dan kuasa beli yang lemah

Politik

Perebutan kawasan yang mempunyai sumber semula jadi antara beberapa buah negara sehingga membawa kepada konflik wilayah

Tekanan politik ke atas negara-negara pengeluar sumber


Berlaku konflik politik dalam sesebuah negara ekoran timbulnya pelbagai krisis ekonomi



Latih Diri **B**

1. Jelaskan **tiga** langkah terbaik untuk menangani krisis sumber semula jadi. 
2. Lengkapkan peta pemikiran di bawah dengan kesan negatif krisis sumber semula jadi.

Krisis sumber semula jadi dunia



9.3 Contoh Kerjasama Ekonomi Antarabangsa

Kerjasama ekonomi antarabangsa diwujudkan atas dasar ingin membantu sesama negara dalam bidang ekonomi. Kerjasama ekonomi antarabangsa telah diterjemahkan dalam pelbagai bentuk kerjasama seperti kerjasama hubungan dua hala, kerjasama pelbagai hala, kerjasama serantau, kerjasama kumpulan negara, kerjasama sedunia dan kerjasama segi tiga pertumbuhan.



Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara atau *Association of Southeast Asian Nations (ASEAN)*

- Kerjasama ekonomi serantau yang ditubuhkan pada tahun 1967
- Dianggotai oleh 10 buah negara Asia Tenggara, iaitu Thailand, Malaysia, Singapura, Indonesia, Vietnam, Myanmar, Filipina, Kemboja, Brunei Darussalam dan Laos
- Menggalakkan kerjasama dalam pelbagai bidang antara negara anggota seperti pendidikan, pelancongan serta penyelidikan dan pembangunan (R&D)

IMS-GT

Segi Tiga Pertumbuhan Indonesia, Malaysia dan Singapura

- Kerjasama segi tiga pertumbuhan IMS-GT yang ditubuhkan pada tahun 1992
- Meliputi kawasan Kalimantan Barat, Wilayah Riau, Sumatera Selatan, Johor, Pahang, Melaka, Negeri Sembilan dan Singapura
- Menggalakkan kerjasama dalam bidang ekonomi seperti pelaburan, perdagangan, perindustrian, pertanian, perikanan dan pelancongan

IMT-gt

Segi Tiga Pertumbuhan Indonesia, Malaysia dan Thailand

- Kerjasama segi tiga pertumbuhan IMT-GT yang ditubuhkan pada tahun 1994
- Dianggotai oleh 10 buah wilayah di Sumatera, lapan buah negeri di Semenanjung Malaysia (Perlis, Kedah, Negeri Sembilan, Kelantan, Perak, Melaka, Selangor dan Pulau Pinang) dan 14 buah wilayah di selatan Thailand
- Bidang fokus utama ialah pertanian dan industri asas tani, pelancongan, produk halal dan perkhidmatan





Kesatuan Eropah atau *European Union* (EU)

- Komuniti Ekonomi Eropah atau kini dikenali sebagai Kesatuan Eropah yang ditubuhkan pada tahun 1958
- Dianggotai 28 buah negara, iaitu Austria, Belgium, Bulgaria, Croatia, Cyprus, Republik Czech, Denmark, Estonia, Finland, Perancis, Jerman, Greece, Hungary, Ireland, Itali, Latvia, Lithuania, Luxembourg, Malta, Netherlands (Belanda), Poland, Portugal, Romania, Slovakia, Slovenia, Sepanyol, Sweden dan United Kingdom
- Perniagaan dan perdagangan bebas antara negara EU tanpa had kuantiti import dan eksport



Pertubuhan Ekonomi Negara-negara Asia Pasifik atau *Asia-Pacific Economic Cooperation* (APEC)

- Kerjasama ekonomi serantau yang ditubuhkan pada tahun 1989
- Keanggotaan melibatkan China, Amerika Syarikat, Vietnam, Jepun, Rusia, Filipina, Indonesia, Korea Selatan, Peru, Singapura, Australia, Hong Kong, Thailand, Kanada, Malaysia, Mexico, New Zealand, Chile, Taipei, Brunei Darussalam dan Papua New Guinea
- Menggalakkan perdagangan bebas dan pelaburan dalam kalangan negara anggota



Pertubuhan Perdagangan Dunia atau *World Trade Organization* (WTO)

- Kerjasama sedunia yang ditubuhkan pada tahun 1995
- Melibatkan 164 buah negara
- Mengendalikan sistem perdagangan global, berfungsi sebagai forum untuk rundingan perjanjian perdagangan, menyelesaikan pertikaian perdagangan antara anggota dan menyokong keperluan negara-negara sedang membangun



Malaysia pernah menjadi tuan rumah bagi persidangan kemuncak APEC yang ke-10 pada tahun 1998 dan akan menjadi tuan rumah bagi persidangan ke-32, iaitu pada tahun 2020 selepas Chile.


(Sumber: Pertubuhan Ekonomi Negara-negara Asia Pasifik, Julai 2018)

Contoh Kerjasama Ekonomi antara Malaysia dengan Negara Lain Berkaitan Sumber Semula Jadi

Eksport

Malaysia menjadi pengeksport utama sumber semula jadi kepada beberapa buah negara yang menjadi rakan dagang.


Eksport Petroleum Mentah Malaysia Mengikut Negara Utama pada Tahun 2016



Jumlah: AS\$5.65 Bilion

Rajah 9.1 Eksport petroleum mentah Malaysia mengikut negara utama pada tahun 2016

Eksport Kayu Balak Malaysia Mengikut Negara Utama pada Tahun 2016



Jumlah: AS\$341 juta

Rajah 9.2 Eksport kayu balak Malaysia mengikut negara utama pada tahun 2016




Malaysia adalah salah satu daripada pengeluar kayu tropika. Hasil kayu negara dieksport ke lebih 162 buah negara dan India merupakan pasaran utama.

(Sumber: Lembaga Kayu Malaysia, 2017)

Kerjasama ekonomi dunia yang bersifat dua hala membolehkan negara Malaysia mengimport sumber semula jadi dari negara luar yang menjadi rakan dagang Malaysia.


Import Petroleum Mentah Malaysia Mengikut Negara Utama pada Tahun 2016



Jumlah: AS\$2.82 Bilion

Rajah 9.3 Import petroleum mentah Malaysia mengikut negara utama pada tahun 2016

Import Arang Batu Malaysia Mengikut Negara Utama pada Tahun 2016



Jumlah: AS\$157 juta

Rajah 9.4 Import arang batu Malaysia mengikut negara utama pada tahun 2016

Latih Diri



1. Apakah maksud ASEAN? Senaraikan negara-negara yang menganggotai pertubuhan tersebut.
2. Walaupun Malaysia mengeksport petroleum ke negara lain, mengapakah Malaysia masih mengimport sumber semula jadi ini dari beberapa buah negara?



9.4 Kepentingan Kerjasama Ekonomi Antarabangsa

Kerjasama ekonomi antarabangsa menjadi pemangkin kepada pembentukan hubungan perdagangan antara negara dan menjadi pengerak kemajuan ekonomi sesebuah negara. Jalinan hubungan ekonomi antarabangsa wajar diperkasa bagi menjamin kesinambungan ekonomi serta pembangunan negara selain daripada memenuhi keperluan masyarakat.



Buruh asing

- Mempermudah kemasukan tenaga buruh asing dari sesebuah negara ke negara lain untuk menampung keperluan tenaga buruh dalam pelbagai sektor seperti sektor pertanian, perladangan, perkilangan, pembinaan, pembuatan dan perkhidmatan
- Tenaga buruh profesional seperti pengurus, jurutera dan doktor perubatan kebanyakannya berasal dari negara maju
- Tenaga buruh yang kurang mahir kebanyakannya berasal dari negara membangun

Pemindahan teknologi

- Menggalakkan pemindahan teknologi terutamanya antara negara maju dengan negara membangun melalui beberapa cara, iaitu:
 - Pembelian terus barangan modal – Melalui pembelian mesin, jentera serta peralatan lain dari luar negara
 - Pembelian ekuiti – Syarikat asing memiliki ekuiti atau saham dalam syarikat tempatan dan melatih pekerja-pekerja tempatan dalam syarikat tersebut
 - Perjanjian pelesenan – Syarikat tempatan menjadi pengedar produk keluaran syarikat asing
 - Peraturan paten dan cap dagang – Syarikat tempatan mengeluarkan produk keluaran syarikat asing dengan menggunakan jenama yang sama
 - Aliran sumber manusia – Pekerja atau pakar asing dibawa masuk ke dalam negara dan memberikan latihan sambil bekerja untuk pekerja tempatan

Hubungan perdagangan

- Membuka peluang antara negara untuk menjalinkan hubungan perdagangan serta mendapat keistimewaan seperti pengecualian cukai, pengurangan **tarif kuota** dan **embargo**
- Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri atau *Ministry of International Trade and Industry* (MITI) dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia atau *Malaysia External Trade Development Corporation* (MATRADE) adalah agensi yang menguruskan perdagangan di Malaysia

Pasaran

- Membolehkan negara-negara yang bekerjasama untuk meluaskan pasaran eksport barangan keluaran negara masing-masing
- Brazil mengeksport kayu balak ke beberapa buah negara seperti India, China, Vietnam dan Singapura
- Rusia mengeksport arang batu ke negara-negara seperti Korea Selatan, Jepun, China dan Turki

Pelaburan

- Menggalakkan pelaburan dalam negara untuk dijadikan modal bagi memulakan sesuatu kegiatan ekonomi
- Terdapat dua jenis pelaburan, iaitu pelaburan ekuiti dan pelaburan langsung asing atau *Foreign Direct Investment* (FDI)
- FDI melibatkan pembukaan operasi syarikat asing seperti syarikat kereta, telekomunikasi serta barangan elektrik dan elektronik di Malaysia
- Jepun, Korea Selatan, Amerika Syarikat, China dan Singapura melabur di Malaysia dalam sektor elektrik dan elektronik, industri besi dan keluli, industri minyak dan gas serta sektor perkhidmatan

Bahan mentah

- Membolehkan sesebuah negara memperoleh bekalan bahan mentah dari rakan dagang untuk kegunaan domestik dan industri melalui import
- China mengimport petroleum mentah dari beberapa buah negara seperti Arab Saudi, Oman, Iraq dan Rusia
- Mexico dan Kanada merupakan antara negara utama yang mengimport gas asli dari Amerika Syarikat

Glosari

- Tarif:** Cukai yang dikenakan oleh kerajaan ke atas barangan yang diimport
- Kuota:** Kuantiti barang yang dibenarkan untuk dibuat, dijual dan lain-lain
- Embargo:** Larangan mengeksport dagangan ke sesebuah negara

Latih Diri D

1. Huraikan bagaimana kerjasama ekonomi antarabangsa membantu dalam pemindahan teknologi.
2. Berikan contoh syarikat yang membuat pelaburan langsung asing di Malaysia.
3. Adakah Malaysia mempunyai hubungan perdagangan dengan semua negara di dunia? Berikan ulasan anda.

Sumber semula jadi utama

Sumber tenaga bahan bakar

- Petroleum
- Gas asli
- Arang batu

Sumber tenaga alternatif

- Geoterma
- Angin
- Ombak
- Suria
- Air
- Biomas

Contoh kerjasama ekonomi antarabangsa

- ASEAN
- IMS-GT
- IMT-GT
- EU
- APEC
- WTO

Sumber Semula Jadi Utama dan Kerjasama Ekonomi di Dunia

Kesan krisis sumber semula jadi di dunia

Ekonomi

- Pendapatan terjejas
- Kenaikan harga sumber
- Peningkatan kos sara hidup

Politik

- Perebutan kawasan
- Konflik politik

Masyarakat

- Peningkatan kadar kemiskinan
- Peningkatan kadar kebuluran
- Masalah jenayah dan sosial

Alam sekitar

- Kerosotan kualiti alam sekitar
- Ketidakeimbangan alam sekitar dan ekosistem
- Sumber semakin berkurangan
- Kemusnahan flora dan fauna

Kepentingan kerjasama ekonomi antarabangsa

- Buruh asing
- Pemindahan teknologi
- Hubungan perdagangan
- Pasaran
- Pelaburan
- Bahan mentah

Kuiz KENDIRI



Kuiz Kendiri 9

Cabaran Minda

1. Tandakan (✓) pada sumber tenaga utama di dunia.

(a) Kosmetik

(e) Minyak kelapa sawit

(b) Hutan

(f) Ombak

(c) Perabot

(g) Arang batu

(d) Geoterma

(h) Getah

2. Peta 1 menunjukkan taburan beberapa sumber tenaga utama yang terdapat di dunia.



Peta 1

Namakan negara pengeluar beserta sumber tenaga utama yang terdapat di kawasan yang ditandakan.

	Negara pengeluar	Sumber tenaga
P		
Q		
R		
S		

3. Nyatakan **Betul** atau **Salah** pada pernyataan yang diberi.

- (a) Kerjasama ekonomi antarabangsa terbentuk melalui hubungan diplomatik
- (b) WTO ialah kerjasama segi tiga pertumbuhan
- (c) Australia merupakan salah sebuah negara yang menganggotai pertubuhan ASEAN
- (d) Pertubuhan APEC berusaha menggalakkan amalan perdagangan bebas antara negara anggota
- (e) MATRADE ialah kerjasama ekonomi antarabangsa yang mengendalikan sistem perdagangan pada peringkat global

4. Lengkapkan jadual di bawah dengan menulis krisis sumber semula jadi sama ada terhadap ekonomi, politik, masyarakat atau alam sekitar.

Pernyataan	Krisis semula jadi
(a) Pelbagai masalah jenayah dan sosial semakin berleluasa	
(b) Konflik wilayah tercetus akibat perebutan kawasan yang mempunyai sumber semula jadi	
(c) Peningkatan harga komoditi menjejaskan pendapatan pengekspor dan pengimport	
(d) Berlaku kekurangan sumber semula jadi dengan kemusnahan pelbagai flora dan fauna	

5. Padankan maklumat yang paling tepat dengan jenis kerjasama ekonomi antarabangsa yang diberi.

(a) Keanggotaan melibatkan 21 buah negara

APEC

(b) Kerjasama ekonomi serantau yang ditubuhkan pada tahun 1967

IMT-GT

(c) Memfokuskan salah satu kerjasama ekonomi dalam bidang produk halal

ASEAN

(d) Mengendalikan perdagangan peringkat global

WTO